

21 APR 1996

Mahathir-Macedonia

MALAYSIA DAN MACEDONIA AKAN MENGGALAKKAN HUBUNGAN EKONOMI

Oleh: Mokhtar Hussain

SKOPJE, 21 April (Bernama) -- Malaysia mahu meningkatkan lagi hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Macedonia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, hubungan dengan negara Balkan itu adalah penting bagi ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk membuka laluan ke negara-negara Balkan yang lain.

"Walaupun Macedonia sebuah negeri yang kecil, kita tidak boleh mengabaikannya...kita harus mempunyai hubungan baik dengan Macedonia," kata beliau di majlis makan malam anjuran Perdana Menteri Macedonia Branko Crvenkovski di sini, malam tadi.

Beliau berkata, sebagai contoh Singapura yang juga sebuah negeri yang kecil kini merupakan sebuah negara yang maju dan makmur.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berharap untuk menggalakkan lebih banyak lagi usahasama ekonomi dan kerjasama antara rakyat kedua-dua negara.

Malaysia merupakan antara negara Asia-Pasifik yang pertama untuk mengiktiraf Macedonia pada 1992 selepas ia muncul sebagai sebuah negara bebas.

Bekas republik Yugoslavia itu meliputi kawasan seluas 25,713 km persegi dan bersempadankan Serbia di utara, Bulgaria di timur, Greece di selatan dan Albania di barat. Ia mempunyai penduduk seramai 2.075 juta.

Dr Mahathir berkata, buat masa ini interaksi antara Malaysia dan Macedonia adalah pada tahap minima.

"Ini secara dasarnya kerana kekurangan hubungan sejarah dan tradisi antara Malaysia dan Macedonia.

Dr Mahathir menyeru sektor swasta kedua-dua negara untuk meneroka potensi yang ada bagi kerjasama khususnya dalam perdagangan, pelancongan dan pelaburan.

Beliau berharap, pemulihan keamanan dan hidupan harian di Bosnia-Herzegovina akan mewujudkan kestabilan serantau bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.

Dr Mahathir tiba di sini dari Sarajevo di peringkat akhir lawatan ke tiga negara Balkan yang bermula di Zagreb (ibu negara Croatia). Beliau akan bertolak ke Malta esok. -- BERNAMA

MOK PR